

# Komponen BN sokong

BH 2 FEBRUARI 2002

Laporan oleh Kadir Dikoh, Misiah Taib, Noffatimah Ahmad, Mutazar Abd Ghani, Noor Jaafar, Veena Rusli, Jami'ah Shokri, Munaarfah Abu Bakar, Hasnira Hassan, Junita Mat Rasid, Rohaniza Idris, Teh Kean Kiat, Nurul Hazren Masitom, Mohd Hamizar Hamid, Tuan Nazuri Tuan Ismail, Mohd Anwar Patho Rohman dan Rosniza Mohd Taha

## peralihan kuasa

KUALA LUMPUR, Selasa — Kesemua 14 parti komponen Barisan Nasional (BN) menyokong pelan peralihan kuasa yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, selepas 21 tahun memegang kuasa. Dr Mahathir mungkin berasa letih dan mahu memindahkan kuasa kepada timhalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Namun, seluruh negara beruntung kerana beliau mendengar permintaan rakyat untuk mengubah jadual persaraannya," katanya selepas mesyuarat Majlis Tertinggi BN di sini petang ini.

Beliau berkata, MCA akan terus memberi sokongan padu kepada Abdullah apabila beliau mengambil jawatan Perdana Menteri tahun depan.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, selama 21 tahun, parti itu menyokong Dr Mahathir dan hari ini ia terpaksa berhadapan dengan realiti bahawa Perdana Menteri mahu menghabiskan masanya untuk diri sendiri dan keluarganya.

"Kami menghormati ke-

putusan itu dan memheri sokongan kepada penggantian Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang kami yakini akan terus membangunkan negara.

"Berilah sokongan penuh kepada Dr Mahathir yang mahu meletakkan semua jawatan dalam parti, BN dan kerajaan selepas berkhidmat dengan cemerlang kepada negara selama 21 tahun. Hormatilah keputusan beliau dan beri sokongan penuh kepada Pak Lah sebagai pengganti," katanya.

Presiden Gerakan, Datuk Jeri Lim Keng Yaik, berkata beliau amat terkejut dengan keputusan Dr Mahathir tetapi gembira kerana Dr Mahathir akan menerajui negara ini untuk tempoh 15 bulan akan datang dan berterima kasih dengan kepimpinannya selama 21 tahun dalam parti dan kerajaan.

"Sernua pihak perlu menghormati keputusannya untuk bersara dan semua partikomponen harus memberi sokongan penuh kepada Pak Lah yang menggantikan Dr Mahathir," katanya sambil menyeru rakyat supaya tidak percaya kepada mana-mana spekulasi di sebalik persaraan Dr Mahathir.

Presiden Parti Pesaka

3umiputera Bersatu (PBB), Tan Sri Abdul Taib Mahanud berkata, walaupun nasihat berati untuk menerima keputusan yang dibuat oleh Dr Mahathir, beliau percaya keputusan Perdana Menteri untuk terus menerajui negara membuktikan beliau sayang kepada rakyat dan negara.

"PBB mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir atas jasa beliau menajukan negara dan bangsa serta memberi sokongan penuh untuk menuruskan segala perancangan yang sudah dibuat untuk kemajuan negara.

"Perdana Menteri menggunakan sistem yang teratur memastikan tugas diambil alih secara baik yang juga menjadi tradisi RN. Kita juga sokong pelantikan Datuk Seri Abdullah sebagai pengganti Perdana Menteri selepas persaraannya nanti," katanya.

Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP), Datuk Chong Kah Kiat, berkata pihaknya menyambut baik keputusan Dr Mahathir dan faham keadaan beliau yang mahu bersara.

"Kita juga menghormati perancangan proses peralihan kuasa yang dicadangkan. LDP akan memberi sokongan padu kepada Pak Lah dan bekerja-

sama dengan beliau sepanjang tempoh peralihan kuasa berjalan demi kepentingan bersama, rakyat dan negara," katanya.

Preside; Parti Bersatu Rakvat Sarawak (SUPP), Tan-Sri Dr George Chan Hong Nam, pula berkata parti komponen kedua terbesar di Sarawak itu berasa sedih dengan keputusan Dr Mahathir untuk meletak jawatan tetapi menghormati keputusan itu kerana yakin ia demi kebaikan semua pihak.

"Kita percaya Pak Lah yang bakal menggantikan Dr Mahathir mampu melaksanakan tanggungjawab yang diberikan berdasarkan kepimpinan yang ditunjukkan," katanya.

Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Yong Teck Lee, pula berkata walau pun mereka turut bersehid dengan keputusan Dr Mahathir, pada masa sama mereka menghormati keputusan itu.

Parti itu katanya, akan memberi sokongan sepenuhnya kepada proses peralihan kuasa termasuk kepada Abdullah.

Presiden Pertubuhan Bersatu Pasok Momogun Kadazanusun Murut, Tan Sri Bernard Dompok, berkata parti itu menghormati

keputusan Dr Mahathir.

"Kita juga menerima baik semua perancangan untuk menstabilkan negara dan menyokong Pak Lah sepenuhnya untuk meneruskan kesinambungan kepimpinan negara," katanya.

Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Datuk M Kayveas, pula berkata beliau sendiri nampak ketika Dr Mahathir mengumumkan keputusannya untuk meletak jawatan, ramai yang menangis.

Bagaimanapun, katanya, PPP bersyukur dan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana bersetuju untuk

meneruskan perjuangan-nya selama 15 bulan lagi.

"Beliau sudah banyak berkorban untuk negara dan kami percaya ia adalah sesuatu yang sukar untuk Pak Lah. Kami berharap rakyat tidak akan membuat sebarang perbandingan antara Abdullah dan Dr Mahathir," katanya.

Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Amar Leo Moggie, berkata keputusan Dr Mahathir adalah sesuatu yang menyedihkan kerana negara kehilangan seorang pemimpin agung.

Perdana Menteri kata-

nya, bukan saja banyak menyumbangkan tenaganya kepada rakyat dan negara, malah kepada masyarakat antarabangsa.

Preside; Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Tan Sri Joseph Kurup, pula berkata parti itu menerima baik apa juga keputusan Perdana Menteri dan mendoakan beliau sentiasa sihat sejahtera sepanjang hayatnya.

"Kami berdoa Dr Mahathir dalam keadaan sihat dan berterima kasih serta terhutang budi dengan jasa beliau sepanjang kepimpinannya 21 tahun ini. Kami memutuskan untuk beti-

sokongan penuh atas persaraannya itu dan menyokong Pak Lah sebagai pengganti," katanya.

Presiden Parti Bersatu Sabah, Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, berkata beliau kagum dengan kejayaan Dr Mahathir menerajui Malaysia selama 21 tahun dan menghargai kestabilan politik yang dibawa oleh beliau untuk rakyat dan negara.

"Rakyat patut terima keputusan itu kerana setiap pemimpin akan bersara dalam dunia politik bila tiba masanya dan menyokong penuh tanpa berbelah bagi kepada Pak Lah," katanya